



ديوان بندر كوالالمپور

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

TINGKAT 17, BANGUNAN TH PERDANA

1001 JALAN SULTAN ISMAIL

50250 KUALA LUMPUR

TEL: 03-2617 1084 FAKS: 03-2693 7119 EMEL: cob@dbkl.gov.my

Ruj. Kami : (4) DBKL/JPPH/COBADMIN/21

Tarikh : 20 Julai 2015

PEKELILING COBKL 2015/03

Pengerusi

Badan Pengurusan Bersama (JMB) /

Perbadanan Pengurusan (MC)

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

KUAT KUASA UNDANG-UNDANG KECIL BAGI BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB)/ PERBADANAN PENGURUSAN (MC) DI BAWAH JADUAL KETIGA PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA (PENYENGGARAAN DAN PENGURUSAN) 2015.

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman tuan/puan, Akta Pengurusan Strata 2013 telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015 dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 pada 2 Jun 2015. Oleh hal demikian, undang-undang kecil bagi Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC) sebagaimana diperuntukkan di bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 adalah terpakai bermula dari tarikh kuat kuasa tersebut pada **2 Jun 2015** bagi kesemua JMB/MC di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.


3. Selanjutnya, jika tuan/puan ingin membuat undang-undang kecil tambahan atau membuat pindaan kepada undang-undang kecil tambahan itu, tatacara sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 32 (bagi JMB) dan seksyen 70 (bagi MC) Akta 757 hendaklah dipatuhi dan diikuti dengan sewajarnya. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang pertikaian berbangkit berlaku kelak. Sebarang rujukan terhadap Akta 757 serta Peraturan boleh dimuat turun di laman sesawang www.federalgazette.agc.gov.my.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, tuan/puan boleh menghubungi bahagian Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COBKL) di talian **03-2617 1084** atau emelkan ke cob@dbkl.gov.my. Kerjasama tuan/puan adalah amat diharapkan demi kesejahteraan bersama komuniti strata. Dikemukakan perkara di atas untuk makluman dan perhatian pihak tuan/puan selanjutnya.

...2/-

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG"



(Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd Aziz)

Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur
Merangkap Datuk Bandar Kuala Lumpur

s.k Timbalan Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur
- Untuk makluman YBhg. Datuk